

Dendam tak sudah

Tidak senang tindakan bapa saudara ambil kesempatan tindas keluarga



**BERSAMA
KAUNSELOR**

**Pn Siti Fatimah
Abdul Ghani**
Kaunselor Berdaftar
Seksyen Kaunseling
Pelajar, Universiti
Putra Malaysia

? Saya tertekan dengan sikap bapa saudara terhadap keluarga kami. Walaupun mempunyai tahap pendidikan tinggi tapi dia bukan 'role model' sebenarnya. Sikap kurang ajar dan mengambil kesempatan terhadap keluarga saya terutamanya ayah yang juga abang kandungnya membuatkan saya berdendam dengannya.

Dendam saya bukan bermaksud melakukan sebarang kejahatan, tetapi untuk membuktikan dia melakukan banyak kesilapan terhadap keluarga kami.

Dia tidak menghormati ayah saya dan sanggup mengambil kesempatan atas kebaikan ayah. Dia berhutang dengan ayah, namun dicanangnya ibarat ayah pula berhutang dengannya.

Mungkin ramai yang menyebelainya, namun dia yang berhutang de

ngan ayah atas segala bantuan keringat ayah selama ini menyiapkan rumahnya. Apa pandangan puan?


BENGANG DAN SAKIT HATI
Kedah

! Meneliti luahan perasaan ini terpanggil saya untuk menjernihkan penggunaan perkataan 'dendam' itu. Dendam anda lebih kepada keinginan untuk membuktikan sesuatu kebenaran atas apa yang berlaku antara bapa saudara dan keluarga anda.

Justeru, lebih baik perkataan dendam itu ditukarkan kepada 'ingin membuktikan' kebenaran. Ini bagi mendidik hati anda kepada satu nilai positif untuk melakukan yang terbaik buat keluarga.

Minda tidak sedar iaitu pemikiran 'ya' atau 'tidak' dirangsang ke arah yang positif dan hasilnya juga positif.

Menyentuh konflik keluarga, ia sesuatu hal yang rumit. Oleh itu, tindakan juga harus mengikut kesesuaian dan masa yang tepat. Jika tersalah langkah, perbuatan atau perkataan, ia meninggalkan kesan le-



bih teruk. Berikut beberapa perkara yang perlu diberi perhatian bagi menyelesaikan konflik keluarga, antaranya:

1. Kenal pasti kaedah atau cara bersesuaian untuk menyelesaikan konflik yang wujud. Jika ia membabitkan hal mereka yang lebih dewasa, serahkan kepada mereka untuk menyelesaikan.

2. Jernihkan perhubungan antara ahli keluarga. Sebaiknya, berusaha mengukuhkan silaturahim walau apa jua keadaan. Ia bagi mendidik hati yang kelim agar mampu melihat kebaikan dan kelembutan yang wujud.

3. Kenal pasti pihak tertentu yang boleh menjadi orang tengah bagi memperbaiki konflik yang wujud. Sebaiknya, mereka ini bersifat neutral dan tidak menyebelahi sesiapa.

4. Berikan masa untuk anda sekeluarga menilai isu ini dengan kata hati yang lebih sepakat. Ia bagi mendengar luahan daripada ayah. Jika ayah reda dengan ujian ini, berikanlah sokongan kepadanya. Usaha dibebani perasaannya dengan kata-kata yang

mengguris hati atau mengeruhkan lagi keadaan.

5. Hormatilah segala keputusan atau pendirian ayah dan ibu dalam isu ini. Percaya bahawa mereka lebih arif dalam kehidupan ini. Biarkan mereka memutuskan sebarang tindakan. Sokongan anda terbaik buat mereka.

6. Jika terdetik dalam hati untuk membuktikan sesuatu kebenaran, didik jiwa untuk lebih berani dan rasional dalam sebarang tindakan kerana pengaruh komunikasi itu amat penting dalam menyelesaikan konflik yang wujud.

7. Berdoa dan yakini Allah SWT sebagai segala tempat untuk memohon pertolongan. Berdoa semoga dipermudahkan segala urusan, moga dibukakan pintu hati bapa saudara untuk mengakui kesilapan diri.

8. Akhirnya, perkemaskan kehidupan anda sekeluarga. Berusaha sebaik mungkin dalam meningkatkan kehidupan ini. Ujian Allah ini memberikan satu panduan hidup bahawa tahap pendidikan seseorang bukan sandaran kehebatan budi pekerti seseorang insan.